

9 JAN 1996

Badminton-Hasmah

YBM MINTA ANGGOTA PARLIMEN BANTU LAKSANA "GELANGGANG NUKLEAS"

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Yayasan Badminton Malaysia (YBM) yang ditubuhkan pada 1994 meminta anggota-anggota Parlimen supaya membantu yayasan itu dalam melaksanakan "gelanggang nukleas" di kawasan masing-masing.

Gelanggang tertutup itu merupakan satu daripada projek YBM melalui projek "1001 Gelanggang Rakyat" yang dilancarkan dalam bulan Julai 1994 untuk menggantikan projek gelanggang terbuka yang didapati tidak sesuai.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali selaku Penaung YBM, melahirkan harapan itu dalam pertemuannya dengan beberapa anggota Parlimen serta pegawai persatuan-persatuan badminton negeri di sini petang ini.

Gelanggang yang akan menelan belanja RM60,000 itu akan dilengkapi dengan sebuah gelanggang badminton serta lampu.

Katanya, langkah YBM untuk membina gelanggang seperti itu ialah untuk memperlengkapkan kemudahan asas bagi semua peminat badminton, khususnya di kawasan luar bandar.

"YBM berharap ia akan memberi lebih banyak peluang kepada generasi muda untuk mengembangkan bakat mereka serta meramaikan lagi pemain badminton yang berpotensi di seluruh negara.

Oleh itu YBM telah bercadang untuk menjemput agensi kerajaan atau orang perseorangan untuk menaja penubuhan gelanggang itu, katanya.

Setakat ini hanya sebuah gelanggang seperti itu diwujudkan -- di Kubang Pasu, Kedah, kawasan Parlimen Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Dr Siti Hasmah, projek itu bukan sahaja membantu meningkatkan mutu permainan badminton negara tetapi juga dapat dijadikan saluran untuk mewujudkan semangat kerjasama di kalangan pelbagai kaum di negara ini.

Di samping itu katanya, "Gelanggang Nukleas" yang bakal diwujudkan di kawasan-kawasan Parlimen di negara ini bukan sahaja dijadikan pusat untuk melahirkan pemain badminton tetapi juga boleh digunakan oleh anggota parlimen sebagai pusat penyelarasan aktiviti di kawasan masing-masing.

Katanya, gelanggang itu nanti akan dijadikan pusat untuk menganjurkan pertandingan badminton bagi merebut Piala Siti Hasmah yang akan diperkenalkan tahun depan.

Pertandingan itu ialah untuk pemain yang berumur bawah 18 dan 15 tahun.

Beliau juga menyatakan bahawa YBM akan menyerahkan pengendalian gelanggang itu kepada sama ada sekolah, pejabat daerah atau Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

YBM dengan kerjasama Persatuan Badminton Malaysia (BAM) akan menyediakan kemudahan asas yang diperlukan di setiap gelanggang seperti bulutangkis, raket serta jaring. -- BERNAMA